

Tahun Pemulihan

MEMBINA SEBUAH GEREJA SEL YANG MENGONGSIKAN YESUS DAN MENYENTUH HIDUP MELALUI PEMURIDAN YANG SENTIASA BERTUMBUH DALAM KASIH KEPADA ALLAH DAN SESAMA MANUSIA.

PESANAN PADERI

8 April 2018 Minggu Paskah ke-2

Saya ingin berterima kasih kepada semua ahli PCC yang telah melayani pada pada musim yang lalu. Kasih mereka kepada Tuhan dan kepada gereja merupakan bukti kepada pelayanan mereka.

Saya bersyukur kepada Tuhan untuk ahli PCC yang baru untuk dua tahun ke hadapan ini. Ini merupakan tugas dan tanggungjawab kita untuk terus berdoa kepada mereka dan keluarga mereka secara berterusan. Pemilihan telah pun berlalu dan Tuhan telah pun memilih orang-orang pilihan-Nya, oleh itu kita harus menyokong mereka dengan tindakan kita. Mereka telah mengambil langkah iman untuk dipakai oleh Tuhan dan kita perlu untuk memberikan mereka sokongan penuh melalui talenta dan segala sumber yang Tuhan telah berikan kepada kita. Kita dapat melihat perkara ini dalam contoh gereja awal di mana mereka telah menggunakan talenta dan sumber yang mereka punya untuk diberikan kepada rasul-rasul. Hasilnya, gereja tersebut mampu untuk melakukan segala sesuatu lebih daripada apa yang mereka fikirkan.

Kita akan mengalami musim yang baru dengan kepimpinan yang baru. Seperti yang kita lihat di dalam Firman Tuhan, terdapat keperluan bagi kita semua untuk terus taat dalam pelayanan kita kepada Tuhan. Kita akan melihat kemurahan dan berkat Tuhan apabila kita bersatu untuk melakukan kehendak-Nya.

Dalam perjalanan kehidupan kita, memang tidak dapat dinafikan, kerana perbezaan dan keunikan yang dimiliki. Saya menyeru kepada kita semua untuk menyelesaikan segala perselisihan dengan penuh kasih. Hal ini kerana perselisihan boleh menjadi senjata utama yang Iblis gunakan untuk menyahaktifkan gereja serta memudahkan semangat kita untuk sungguh-sungguh melakukan kehendak Tuhan. Janganlah menyimpan kebencian, dendam atau perasaan sakit hati antara sesama. Kasihilah dan tunjukkanlah kasih tersebut di antara satu sama lain. Yesus berkata, "Dengan demikian semua orang akan tahu, bahwa kamu adalah murid-murid-Ku, yaitu jikalau kamu saling mengasihi." (Yohanes 13:35). Jagalah hati kita kerana hati yang suci akan melihat Allah.

Efes 4:32 katakan: Tetapi hendaklah kamu ramah seorang terhadap yang lain, penuh kasih mesra dan saling mengampuni, sebagaimana Allah di dalam Kristus telah mengampuni kamu.